



MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 1 /2020/2021

TARIKH : 22 OKTOBER 2020 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (Webex)

BIL	HADIR	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
2.	Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
3.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	1/1
4.	Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	1/1
5.	En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	1/1
6.	Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	1/1
7.	En. Abdul Razak Abdul Aziz	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	1/1
8.	Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	1/1
9.	Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	1/1
10.	Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	1/1
11.	Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	1/1
12.	Pn. Najwa binti Mohamed	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	1/1
13.	Puan Safriza binti Sabjah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	1/1
14.	Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	1/1
15.	En. Mohd Zaires Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	13/13
2.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	10/13
3.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/13
4.	En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	12/13
5.	En. Nasir bin Osman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	13/13

6.	Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	10/13
7.	En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	8/13
8.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	3/13
9.	En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	6/9
10.	Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	11/13
11.	Pn. Nurul Ain binti Mohd. Yunos	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	6/9
12.	Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	9/12

BIL TURUT HADIR		FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)
2.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)
3.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
4.	Prof. Madya Sr.Dr. Razali Adul Hamid	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)
5.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)
6.	Prof. Madya Dr. Noriza binti Mohd. Jamal	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB)
7.	Prof. Madya Dr. Rohaida Basiruddin	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSKL)
8.	Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)
9.	Dr. Dewi Fariha Abdullah	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB)
10.	Dr. Tan Tian Swee	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan
11.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
12.	Pn. Nor Kamsiah binti Manan	Urus setia
13.	Puan Eka Amira binti Rahim	Urus setia
14.	Pn. Sanisah Hussein	Urus setia
15.	Nurul Nadzinah Binti Miran Han	Urus setia
16.	Nur Saffa binti Md Khdis	Urus setia
17.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
18.	Puan Julianah binti Samion	Urus setia
19.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Prof Nazri bin Ali, Timbalan Pengerusi (Bahagian Pesisir dan Program Khas), Sekolah Pengajian Siswazah.

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir untuk mesyuarat pada kali ini. Beliau akan mempengerusikan mesyuarat kerana Pengerusi SPS menghadiri Management Retreat. Seterusnya beliau menyampaikan makluman dan perkembangan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Statistik Graduan & GOT PhD

Pengerusi membentangkan maklumat pencapaian graduan PhD UTM. Graduan PhD untuk bulan Oktober 2020 adalah seramai 51 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan PhD sehingga Oktober 2020 adalah seramai 419 graduan dengan graduan yang GOT MyRa II adalah seramai 76 orang (18.1%).

Pengerusi juga memaklumkan bahawa sasaran graduan setiap bulan yang telah ditetapkan pada awal tahun 2020 adalah seramai 50 pelajar yang akan bergraduan dan berdasarkan trend yang sedia ada berkemungkinan pencapaian sasaran graduan tersebut boleh dicapai dengan syarat fakulti mempertingkatkan dengan berbaki 2 bulan lagi.

Bagi graduan Sarjana terdapat seramai 11 orang graduan bagi Oktober 2020. Jumlah keseluruhan dari Januari hingga Oktober 2020 adalah seramai 150 orang pelajar. Manakala bagi pelajar GOT adalah seramai 9 orang (6.0%).

Makluman : Semua

1.2 Pengurusan Akademik

1.2.1 Proses Kemasukan Pelajar Penyelidikan ke Kampus

Pihak Universiti memberi pertimbangan kepada pelajar penyelidikan semester tertentu dan di tahun akhir iaitu semester 5,6,15 dan 16 bagi pelajar doktor falsafah dan semester 5,6,7 dan 8 bagi pelajar sarjana falsafah. Pelajar perlu membuat permohonan dengan sokongan penyelia kepada PP atau TP PG fakulti. Fakulti akan membuat sokongan dan dihantar ke HEP untuk kelulusan. Setelah pihak HEP meluluskan permohonan pelajar barulah pelajar dibenarkan untuk memasuki kampus.

Walaupun, bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan seperti penggunaan makmal, peperiksaan professional dan akses internet yang perlahan di lokasi masing-masing, mereka dibenarkan untuk membuat permohonan kemasukan ke kampus.

Bagi proses kemasukan pelajar di kampus KL masih tertakluk dengan arahan Majlis Keselamatan Negara dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran di mana semua staf UTM KL diarahkan untuk bekerja di rumah disebabkan oleh pelaksanaan PKPB. Walaupun, ia masih tertakluk dengan arahan dari masa ke semasa.

Makluman : Semua

1.2.2 Statistik Pengurusan VIVA dan Pembentangan Proposal

Pengerusi membentangkan statistik pengurusan VIVA dan pembentangan proposal secara keseluruhan sehingga 21 Oktober 2020 adalah sebanyak 89 VIVA yang telah dijalankan secara talian dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 42.3 % daripada bulan sebelumnya.

1.2.2.1 Pengerusi juga membentangkan dokumen/borang yang telah diubahsuai oleh pihak SPS bagi memudahkan penggunaan di fakulti. Beliau memohon agar semua fakulti mengambil maklum berkaitan pengemaskinian dokumen/borang tersebut.

1.2.2.2 Bagi dokumen/borang laporan penilaian pemeriksa, ianya dipinda atas cadangan pengerusi JKTS P&P yang lepas dengan mengambil kira viva yang dijalankan secara *online*. Sehubungan dengan itu, kotak status fizikal / *online* diwujudkan untuk tujuan rekod.

Prof. Dr. Ahmad Baharuddin (FE) mempersoalkan berkenaan keperluan tandatangan pemeriksa luar yang mengikuti proses viva secara *online* dan proses untuk meminta tandatangan kepada panel pemeriksa tersebut selepas viva.

Pn Eka Amira bt Rahim (SPS) menjelaskan berdasarkan garis panduan menjalankan viva secara *online* yang dikeluarkan oleh pihak SPS di awal bulan April, bahawa pihak Fakulti/ Sekolah perlu untuk emel semula laporan berkenaan kepada panel terlibat bagi mendapatkan tandatangan panel tersebut bagi mendapatkan tandatangan digital. En Mohd Zaires bin Md Daris (SPS) juga memaklumkan jika ada pemeriksa yang tidak mahir dengan kaedah penggunaan tandatangan digital, pemeriksa tersebut boleh menghantar emel pengesahan bahawa beliau bersetuju dengan laporan tersebut dan mengesahkan beliau hadir pada hari viva dijalankan. Emel pengesahan tersebut hendaklah dikepilkan bersama laporan tersebut untuk tujuan rekod.

Walaubagaimana pun, pengerusi menyarankan supaya mendapatkan tandatangan digital sebagai kaedah pertama dan menggunakan platform emel bagi pilihan terakhir untuk pemeriksa yang tidak mahir IT.

1.2.2.3 Bagi laporan Pengerusi perlulah ditulis secara fizikal atau secara talian di dalam kotak yang disediakan. Pengerusi / ahli japsu seharusnya memahami maksud status di dalam borang tersebut iaitu merujuk kepada peperiksaan dijalankan secara fizikal atau talian. Pengerusi bersetuju dengan komen dan ulasan Prof. Madya Dr. Aznizam (SKT) berkenaan status fizikal/ *online* di dalam laporan tersebut sepatutnya hanya perlu ditandakan (Tick

atau /) sahaja bukannya ditulis di dalam kotak tersebut yang ianya mungkin akan mengelirukan pengguna.

Prof. Dr. Izman (SKM) mencadangkan agar menambah catatan atau nota kaki / nota peringatan di laporan ini berkenaan sekiranya peperiksaan dijalankan secara dalam talian perlu mendapatkan tandatangan digital/pengesahan pemeriksa melalui emel. Ini kerana jika terdapat pertukaran pengerusi ianya memerlukan penerangan yang berulang kali dilakukan atau terlepas pandang, dengan catatan atau nota peringatan tersebut mungkin akan membolehkan pengerusi mengambil maklum dengan tindakan selanjutnya.

- 1.2.2.4 Pindaan borang abstrak / *tittle approval* dilakukan atas maklum balas dari pihak fakulti bahawa tidak semua pensyarah mempunyai cop nama. Sehubungan dengan itu, pihak SPS bersetuju meminda ruangan pengesahan di borang tersebut daripada 'tandatangan dan cop' kepada 'tandatangan, nama & jawatan'.

Terdapat cadangan dari ahli JAPSU agar meletakkan *Director/ Academic Manager* diruangan panel dan bahagian kelulusan meletakkan *Assoc chair / Chair / Deputy Dean (Academic)* bagi memudahkan pelajar. Urus setia mengambil kira pandangan dari Ahli JAPSU.

- 1.2.2.5 Bagi borang pengesahan semakan pembetulan tesis yang sebelum ini mempunyai ruangan kotak diubah kepada secara bertulis dan perlu membuat tandatangan *initial* dibahagian tersebut.

Tindakan : Semua Fakulti & SPS

1.2.3 Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah

Mesyuarat dimaklumkan dan di ingatkan sekali lagi mengenai dua perkara berikut sepertimana kelulusan **Mesyuarat Senat Bil. 5/2019/2020 pada 29 Januari** yang lalu iaitu:

1.2.3.1 PINDAAN PADA PELAKSANAAN PENGANUGERAHAN IJAZAH LEBIH RENDAH BAGI PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Penganugerahan ijazah lebih rendah adalah bagi pelajar Phd yang mendapat keputusan lisan gred D maka pelajar perlu mendaftar semula sebagai pelajar sarjana penyelidikan.

Kaedah Perlaksanaannya:

- a) Pelajar dibenarkan mendaftar sebagai pelajar sarjana penyelidikan dan layak menghantar tesis selepas 12 bulan memulakan pengajian.
- b) Pelajar boleh mengekalkan topik kajian, memperbaiki tesis berdasarkan komen yang diterima dari pemeriksa dan menggunakan penerbitan yang sama ketika menghantar tesis Doktor Falsafah ketika menghantar tesis Sarjana.

- c) Pindah kredit dibenarkan bagi kursus kaedah penyelidikan dan kursus umum universiti.
- d) Pelajar perlu mendaftar sebagai pelajar Sarjana selewat-lewatnya dalam tempoh 1 bulan dari tarikh peperiksaan lisan. Sekiranya pelajar tidak mendaftar dalam tempoh tersebut, universiti boleh memperakukan kedudukan “Gagal dan di tamatkan pengajian” kepada pelajar.
- e) Tidak melibatkan peperiksaan lisan dan pembetulan tesis akan disemak oleh pemeriksa dalam dan luar.
- f) Kaedah dan pelaksanaan ini terpakai kepada pelajar yang mendaftar mulai Semester II Sesi Akademik 2019/2020 dan seterusnya.

1.2.3.2 PINDAAN PADA PELAKSANAAN PROGRAM FAST TRACK (PENILAIAN KELAYAKAN)

Bagi pelajar *fast track*, mereka akan ditukarkan kepada sarjana penyelidikan jika calon gagal dalam penilaian kelayakan *fast track*.

Kaedah dan Perlaksanaannya:

- a) Pelajar program Doktor Falsafah secara *fast track* perlu melalui penilaian kelayakan *fast track* selepas enam(6) hingga lapanbelas(18) bulan pendaftaran. Keputusan dari penilaian ini akan menentukan samada pelajar akan meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah atau ditukarkan ke program Sarjana secara penyelidikan. Sekiranya ditukarkan ke program Sarjana secara penyelidikan, tempoh pengajian akan dikira semula sebagai tempoh pengajian baharu.
- b) Kaedah dan pelaksanaan ini juga adalah terpakai kepada pelajar yang mendaftar mulai Semester II Sesi Akademik 2019/2020 dan seterusnya.

En. Mohd Zaires bin Md Daris, Timbalan Pendaftar SPS memaklumkan SPS ada mengeluarkan Pekeliling Akademik bil 1 2020 dan juga pindaan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM 2020, bahawa Laporan Pengerusi Viva di bahagian keputusan D iaitu pelajar mendapat keputusan D akan terus dianugerahkan sarjana DIUBAH kepada pelajar perlu mendaftar semula sebagai pelajar sarjana penyelidikan.

Kedua-dua borang baharu yang berkaitan perkara ini hanya terpakai bagi pelajarambilan sem II 2019/2020 dimana untuk Laporan Pengerusi Viva akan digunakan oleh pelajar kohort tersebut pada semester 5 atau 6 paling awal untuk viva (mula digunakan pada sem II 2021/2022). Bagi borang Laporan Pengerusi Untuk Penilaian Fast Track, borang ini juga terpakai bagi pelajarambilan sem II 2019/2020. Borang ini akan mula digunakan paling awal di semester 2 atau 3 pelajar kohort berkenaan (mula digunakan pada sem II 2020/2021).

Mesyuarat juga mencadangkan agar borang baharu ini dicatatkan tarikh kuatkuasa penggunaannya.

Tindakan : Fakulti & Urus Setia SPS

1.2.4 UTM Pesisir

- 1.2.4.1 Pengerusi memaklumkan bahawa bilangan pelajar baharu yang mendaftar adalah seramai 159 pelajar dan pihak INSPEN baru sahaja mendaftarkan seramai 15 orang pelajar dan menjadikan jumlah pelajar baharu seramai 174 pelajar. Pengerusi menekankan bahawa untuk program dengan INSPEN ini, UTM perlu masuk tender dan bersaing dengan IPTA lain untuk mendapatkan pelajar-pelajar ini. Permohonan bagi program pesisir masih lagi dibuka sehingga bulan November 2020, jika terlepas permohonan ini akan dibuka pada Februari 2021.
- 1.2.4.2 Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah menghadiri perjumpaan bersama Kementerian Alam Sekitar di Putrajaya dan pihak KAS akan menghantar pelajar untuk mengikuti program pesisir. Kebanyakan industri mempunyai bajet untuk unit Latihan dan biasiswa mereka sendiri untuk menghantar staf untuk belajar dan perkara yang membataskan industri ini untuk melepaskan pekerja belajar adalah kerana akan kehilangan pekerja disebabkan cuti belajar. Sehubungan dengan itu, program pesisir ini adalah kaedah yang tepat di mana UTM boleh menghantar pensyarah ke tempat mereka, boleh lakukan secara off-campus dan staf mereka tidak perlu berhenti kerja. Oleh yang demikian, semua ahli adalah dicadangkan agar dapat mencari industri yang sedemikian.
- 1.2.4.3 Bahagian Pesisir memaklumkan program khas terdapat 5 program yang sedang berjalan dengan jumlah pelajar seramai 48 pelajar.
- 1.2.4.4 Bagi program ODL yang terkini ditawarkan untuk semester ini terdapat seramai 81 pelajar. Buat masa ini hanya 3 program ODL yang sedang berjalan dan keseluruhan pelajar adalah seramai 111 pelajar. Pengerusi memaklumkan sekiranya ada program yang sesuai (tidak melibatkan makmal dan amali) untuk dijalankan secara ODL, boleh maklumkan ke unit UTM Pesisir SPS.
- 1.2.4.5 Perbincangan telah diadakan diantara Pengerusi SPS dan SRAD bagi mengwujudkan satu *one-stop-centre* bagi mengelakkan kekeliruan berkenaan program-program baharu. Pihak SRAD akan memaklumkan ke mesyuarat JAPSU sebagai platform sekiranya terdapat program baharu yang perlu dicadangkan.
- 1.2.4.6 Bagi penawaran kusus program pesisir /ODL, terdapat masalah yang timbul iaitu kod seksyen. Bila ODL ditawarkan dan biasanya perlu membuka 50 seksyen ke atas. Tetapi tiada cara untuk menyekat pelajar pesisir atau perdana untuk mendaftar ke seksyen-seksyen

berkenaan. Untuk mengelakkan ini berlaku, kerjasama dari pejabat PG di setiap sekolah/fakulti untuk membantu menyemak senarai pelajar ini. Mohon maklumkan pelajar perdana yang telah mendaftar di program ODL untuk gugurkan dan daftar seksyen yang betul.

1.2.4.7 Kursus Kaedah Penyelidikan untuk pelajar *remote* akan ditangguhkan pada semester ini, kerana semester pendek telah berubah dan pelajar tidak dapat datang ke Malaysia. Pelajar disarankan agar mengikuti kursus di sekolah /fakulti masing-masing secara dalam talian, ini kerana kursus ini diadakan secara dalam talian di sekolah/fakulti berkenaan.

1.2.4.8 Untuk kursus umum dikhaskan 1 seksyen untuk mendaftar dengan kapasiti maksimum 30 pelajar. Kelas diadakan pada hari Ahad 2.00 hingga 5.00 petang bermula 1 November 2020. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar perdana boleh mengikuti kursus ini bersama-sama pelajar *remote*.

Dr. Dewi Fariha Abdullah, AHIBS memohon pengesahan jika pertambahan jumlah pelajar boleh dilakukan. Ini adalah disebabkan pengajaran dijalankan secara dalam talian dan jumlah pelajar masih dilimitkan 30 orang.

Dr Norah Md. Noor, Timbalan Pengerusi SPS menegaskan perlu untuk pensyarah mengajar mengikut program masing-masing dan akan menyukarkan pensyarah untuk menguruskan pelajar yang ramai pada sesuatu masa.

1.2.4.9 Mesyuarat JAPSU ini dimaklumkan bahawa terdapat masalah pendaftaran kod matapelajaran UHMZ6023 dan UHAZ6123.

Kod UHAZ6123 hanya terpakai kepada pelajar kanan dan kod UHMZ6023 terpakai kepada pelajar baharu. Pelajar baharu daripada FTIR telah mendaftar dengan kod UHAZ6123 kerana kod UHMZ6023 telah penuh. Pihak FTIR berharap agar pelajar berkenaan boleh meneruskan dengan kod yang pelajar telah mendaftar memandangkan ianya adalah hanya perbezaan kod sahaja tetapi mata pelajaran yang sama.

Pengerusi menyarankan untuk pelajar teruskan mendaftar dengan kod UHAZ6123 dan memohon untuk pihak SHARP menyelaraskan semula kod ini bagi pelajar baharu.

Makluman : Semua

1.3 Penajaan

1.3.1 Bagi permohonan UTM Zamalah, NPF dan IDF telah dilanjutkan sehingga 28 Oktober 2020. Penyelia dan TDA perlu membuat pengesahan pelajar dan tarikh akhir pengesahan penyelia dan TDA adalah pada 8 November 2020.

1.3.2 Hebahan pelanjutan tempoh penghantaran dokumen PTPN dilanjutkan hingga 14 November 2020.

Makluman : Semua

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 13 /2019/2020

Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara tanpa sebarang pindaan.

Makluman : Semua

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Perkara 1.1 Graduan & GOT PhD

Mesyuarat bersetuju akan membentangkan unjuran baharu setelah dibentangkan di dalam Mesyuarat JKAF di fakulti masing-masing agar dapat keluaran sasaran baharu sehingga Disember 2020 dan dibentangkan di dalam Mesyuarat JAPSU akan datang.

Tindakan : Semua Fakulti

3.2 Perkara 1.6 Program Pesisir

Prof. Madya Sr. Dr. Razali Abdul Hamid, TDA FABU memaklumkan bahawa badan profesional tidak menerima sekiranya pelajar menggunakan kelas dalam talian, ada kelas yang perlu *face-to-face*. FABU telah berbincang dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) tetapi mereka tetap bertegas dan berpendirian untuk perlu *face-to-face*. FABU perlu akur dengan keputusan lembaga tersebut.

Sehubungan dengan itu, untuk semester ini pelajar perlu mengugurkan matapelajaran bagi pelajar yang terlibat dengan badan profesional. Pihak FABU akan mengutarakan kepada lembaga sekiranya pandemik berlanjutan sehingga tahun 2021.

Tindakan : FABU

3.3 Perkara 1.6.2 Program Pesisir

Prof. Dr. Nazri bin Ali, Timbalan Pengerusi SPS memaklumkan bahawa mesyuarat penyelarasan program pesisir telah diadakan diantara SPS dengan penyelarasan fakulti/sekolah pada 14 September 2020 lalu. Mesyuarat bersetuju dan sepakat sepakat untuk melaksanakan matapelajaran yang telah tertinggal. Pada semester ini akan ada jadual sekali atau dua kali. Sekiranya ada fakulti mengadakan kelas sebanyak tiga kali adalah dibenarkan, tetapi bayaran akan dibuat hanya dua kali sahaja kerana telah dilaksanakan sekali pembelajaran pada semester lepas.

Makluman : Semua

3.4 Perkara 4.0 Laporan Bahagian Pengurusan Akademik

En. Abd. Razak bin Abd. Aziz, Timbalan Pendaftar AMD memaklumkan sistem pendaftaran *insert delete secara online* masih dalam perincian pihak AMD, UTMileague dan UTM Digital dan akan digunakan sepenuhnya pada semester II 2020/2021.

Makluman : Semua

4.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PASCA SISWAZAH

- 4.1 Dr. Norah binti Md Noor, Timbalan Pengerusi SPS memaklumkan bahawa SPS & QRim masih lagi memantau semakan kurikulum di UTM setelah mengemaskini program yang ada di UTM dengan merujuk kepada program yang sediaada di UTM. Masih lagi diperingkat mengemaskini nama-nama program untuk senarai yang terkini dan yang telah dilupuskan dan berharap tindakan ini dapat diselesaikan dengan segera.
- 4.2 Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua fakulti yang masih lagi membuat semakan kurikulum dan sebanyak 43% telah lulus sekurang-kurangnya di JKKU daripada 82 program. Ada 6 lagi akan dibawa ke mesyuarat JKKU akan datang.
- 4.3 Klinik semakan kurikulum telah dibuat dengan fakulti dan sekiranya fakulti memerlukan bantuan dari pihak SPS, boleh memaklumkan kepada pihaknya.
- 4.4 Bagi senarai program pascasiswazah (Kerja kursus dan Campuran) bagi SKM, kebanyakan program telah lulus JKKU dan 4 program telah pun dijumudkan. Walaubagaimana pun, untuk Sarjana Sains (Teknologi Pembuatan Termaju) dalam perbincangan sebelum ini, program ini akan dipindahkan entiti ke MJIIT dan fakulti belum mengambil sebarang tindakan. Sehubungan dengan itu, pihak SPS mencadangkan untuk fakulti menjumudkan program ini terlebih dahulu bagi memudahkan semakan kurikulum. Mohon pihak SKM untuk berbincang dengan MJIIT dan maklumkan kepada SPS pada mesyuarat JAPSU akan datang.
4. Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi membangkitkan pertanyaan berkenaan pengesahan status program Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat). Ini adalah kerana program itu masih ada ambilan pelajar untuk sem I 2020/2021.

Dr Norah binti Md Noor menegaskan jika program itu telah diputuskan untuk dijumudkan maka perlu maklumkan kepada pihak SRAD supaya menghentikan ambilan pelajar. Bagi yang dah terlepas untuk semester ini ianya perlu diteruskan sahaja dan berhenti ambilan pada semester hadapan. Diharap perkara ini dapat dibincangkan di peringkat fakulti antara AHIBS dan FE.
- 4.6 Untuk makluman proses semakan kurikulum PhD dan sarjana falsafah, pihak fakulti sedang menyediakan kertas kerja untuk dibawa ke Senat bagi mapping PLO MQF 2.0 untuk semua program. Ini adalah berdasarkan audit untuk SWAAKREDITASI, oleh yang demikian, semua program yang belum dibawa ke JKKU perlu menyiapkan kertas kerja tersebut.
- 4.7 Pihak SPS dan QRIM sedang buat pengesahan nama dalam program, dalam scroll dan juga di dalam surat beranak (surat kelulusan). Pihak TNCA juga telah membuat *task force* penyelarasan program akademik UTM bagi melihat pensetaraan nama kurikulum tahun 2014. Dalam semakan masih lagi ada

nama yang tidak sama seperti di dalam senarai. Ada beberapa teguran dari Majlis Professor untuk menyelaraskan matapelajaran *Research Methodology* dan untuk diselaraskan semula kodnya.

- 4.8 Pihak SPS juga sedang menyemak semula garis panduan PhD Industri dimana PhD industri adalah program yang dibenarkan di tawarkan secara industri dengan kerjasama pihak industri. *Assessment* dan format penghantaran tesis perlu semak semula. Pihak SPS akan cuba untuk membentangkannya di dalam Mesyuarat JKKU pada bulan November 2020. Kertas kerja ini akan di laksanakan bagi tahun 2021.

Makluman : Semua

5.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

Pn Safriza binti Sabjah, Penolong Pendaftar AMD membentangkan laporan seperti berikut:

- 5.1 Keputusan JKTS P&P (20 Oktober 2020) mengenai pembentangan keputusan tidak selesai pelajar pascasiswazah yang tidak menghantar tesis pada 1 Oktober 2020. Beberapa implikasi keputusan yang dipersetujui di dalam JKTS P&P tersebut khusus untuk pelajar semester maksimum pada semester II 2019/2020 yang lepas. Di dalam keputusan mesyuarat JKTS P&P tersebut terdapat 2 keputusan yang diperakukan iaitu:

- i. Bagi pelajar yang tidak menghantar tesis pelajar diperakukan sebagai PELAJAR TANGGUH PENGAJIAN.
- ii. Bagi pelajar yang tidak menghantar tesis pelajar diperakukan keputusan MM (KB) kerana menghantar laporan kemajuan walaupun tidak menghantar tesis pada 1 Oktober 2020.

Untuk kategori pelajar tersebut ada beberapa perkara yang memberi implikasi berbeza iaitu:

- i. Kod keaktifan mereka di dalam sistem AIMS bagi semester II untuk yang tangguh pengajian kod status mereka akan berubah kepada 0 (kes khas, bilangan semester tidak terpakai) kepada kod status C1 (pelajar semester maksimum tangguh pengajian atas sebab covid 19) dan kod khas C1 ini akan dibaca oleh Bendahari untuk membolehkan pelajar tidak dikenakan yuran pada semester 1 2020/2021 dan juga berdasarkan Pekeliling Akademik Bil 3 2020.
- ii. Bagi pelajar MM (KB) akan tetap menjadi status A supaya keputusan MM (KB) terpakai pada semester II dalam transkrip mereka nanti. Oleh kerana status pelajar tersebut baharu sahaja diputuskan di dalam JKTS 20 Oktober 2020 yang lalu, pihak AMD mencadangkan agar mereka diberikan kod khas C1 juga, secara tidak langsung mereka juga mendapat kemudahan tidak dikenakan yuran pada semester 1 2020/2021 ini sama seperti status pelajar yang diberikan status tangguh pengajian.

Pelajar yang telah mendaftar dan telah membayar yuran, yuran tersebut tidak akan dikembalikan tetapi akan dibawa ke semester hadapan.

- iii. Bilangan semester bagi pelajar tangguh pengajian pada semester II-2019/2020 adalah tidak dikira. Pada semester I 2020/2021 ini pelajar akan kekal berada di semester 8/8 atau 16/16 berbeza dengan pelajar MM (KB). Pelajar MM (KB) oleh kerana mereka berstatus A (Aktif),

bilangan semester mereka di semester 11-2019/2020 adalah dikira dan pada semester ini (semester I-2020/2021) bilangan semester mereka adalah 9/8 atau 17/16.

- iv. Yuran pengajian bagi PELAJAR TANGGUH PENGAJIAN tidak akan dikenakan dan pihak AMD juga mencadangkan perkara sama untuk pelajar MM (KB). Perkara ini belum dibincangkan dengan pihak Bendahari, Pihak Bendahari mohon sekiranya dipersetujui perlu memaklumkan secara bertulis kepada mereka. Sehubungan dengan itu, pihak AMD menggunakan platform mesyuarat JAPSU untuk mendapatkan kelulusan berkaitan perkara ini.

Mesyuarat JAPSU bersetuju dan meluluskan keputusan tersebut.

- v. Pendaftaran kursus bagi PELAJAR TANGGUH PENGAJIAN semester yang lepas, untuk semester kod kursus yang mereka perlu daftar adalah kod yang didaftarkan pada semester II kerana transkrip semester II tidak akan keluar matapelajaran yang mereka daftar pada semester tangguh tersebut.

Manakala Bagi pelajar MM (KB) mereka perlu mendaftar kod kursus yang baharu iaitu XXX9100. Pihak AMD mohon bantuan fakulti/sekolah untuk menyemak pelajar kategori ini untuk mereka mendaftar kod kursus yang betul. Sekiranya mendaftar menggunakan kod sebelum ini ianya akan keluar status UM (Ulang Matapelajaran) seolah-olah pelajar gagal matapelajaran tersebut. Jika kod tiada di dalam sistem AIMS, mohon fakulti/sekolah memaklumkan kepada pihak AMD untuk daftarkan supaya fakulti boleh menggunakan kod kursus yang betul dan pelajar boleh mendaftar kursus.

Tindakan & Makluman : Semua

6.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

Puan Najwa binti Mohamed, Penolong Pendaftar SRAD membentangkan laporan SRAD seperti berikut:

6.1 Laporan Ambilan Pelajar Baharu Semester I 2020/2021

Pihak SRAD membentangkan statistik pelajar yang telah mendaftar bagi program pascasiswazah ambilan Oktober 2020 walaupun bagaimana statistik ini masih berubah kerana masih berlaku proses pendaftaran pelajar-pelajar baharu penyelidikan.

Setakat ini jumlah pelajar adalah seramai 1410 dengan pecahan tempatan 1045, dan antarabangsa 365. Manakala pecahan bagi pelajar Doktor Falsafah adalah seramai 472 dan pelajar sarjana falsafah seramai 938

Makluman : Semua

6.2 Statistik Perbandingan Mengikut Semester

Dalam tempoh pendaftaran rasmi untuk pelajar tempatan pada semester lepas adalah 341, manakala untuk semester ini seramai 365. Walaupun bagaimana pun, pendaftaran bagi pelajar tempatan secara dalam talian masih diterima. Bagi pelajar antarabangsa untuk semester ini adalah seramai 1045 manakala semester lepas seramai 1070. Pendaftaran juga masih berlangsung sehingga Disember 2020. Pendaftaran bagi *course work*

adalah sehingga 23 Oktober 2020 dan SRAD mengambil maklum pemakluman oleh AMD bahawa tiada pengenaan denda di laksanakan kepada pelajar baharu yang mendaftar lewat dari tarikh 23 Oktober 2020. Walaubagaimana pun, SRAD akan menasihatkan pelajar *course work* dan *mix mode* untuk mendaftar sebelum 30 Oktober 2020 kerana kelas telah pun berjalan.

Makluman : Semua

6.3 Pendaftaran Secara Dalam Talian

- i. Dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran secara dalam talian mempunyai masalah kerana UTMDigital tidak dapat menyiapkan sistem dalam masa yang ditetapkan, SRAD terpaksa mengambil masa sedikit untuk membuat semakan dokumen-dokumen pelajar dan menyebabkan pelajar lewat mendapat nombor matrik.
- ii. Berkaitan dengan pelajar-pelajar yang membuat aduan tidak menerima UTM ID setelah menerima nombor matrik, aduan terlalu banyak diterima dan telah dikenalpasti bahawa masalah adalah berpunca dari aspek teknikal dan masih didalam proses semakan.
- iii. Pelajar baharu yang hendak mendaftar kursus elektif dan *research methodology* tetapi telah penuh, SRAD memohon bantuan fakulti untuk melihat perkara ini. Pihak SRAD juga telah menasihati pelajar-pelajar untuk mengambil kursus elektif berkenaan pada semester II sebagai alternatif penyelesaian.

Pengerusi memohon semua pihak harus mengambil maklum perkara ini dan mengambil tindakan perlu terutamanya dalam situasi sekarang yang hampir kesemua kursus adalah pembelajaran secara *online* dan dibatasi dengan had sesuatu kelas hanya 30 orang pelajar.

Dr Norah (SPS) memaklumkan bawah keputusan untuk sesuatu had bilangan sesuatu kursus adalah tertakhluk kepada bidangkuasa pihak fakulti. Hanya kursus di bawah program ODL sahaja tidak dibenarkan berbuat demikian kerana tertakluk atas dasar garis panduan ODL yang perlu dirujuk.

Pihak SRAD mohon kerjasama fakulti yang menawarkan kursus elektif untuk menambah seksyen baharu/tambahan serta memaklumkan kepada SRAD kerana SRAD masih lagi menerima permohonan kumpulan-kumpulan pelajar dari luar negara.

Makluman : Semua

6.4 Sijil Bahasa Inggeris

Kebanyakan pelajar Indonesia mempunyai sijil Bahasa Inggeris (tofel) dan SRAD tidak boleh menerima sijil tersebut untuk kebenaran memenuhi syarat Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar Indonesia ini memohon untuk menulis tesis di dalam Bahasa Melayu. Mohon fakulti untuk melihat semula sekiranya memang mereka dibenarkan menulis tesis dalam Bahasa Melayu atau tidak. Sekiranya dibenarkan mereka mendaftar maka mereka perlu mengisi borang menulis tesis dalam Bahasa Melayu ataupun mengisi borang untuk mengikuti kursus Bahasa Inggeris dibawah Akademi Bahasa atau IELTS.

Prof. Madya Dr. Khairur Rijal, TD Fakulti Razak memaklumkan bahawa pelajar-pelajar Indonesia tersebut memang digalakkan untuk menulis tesis

di dalam Bahasa Melayu kerana tahap pemahaman dan penulisan Bahasa Inggeris mereka. Tambahan pula kebanyakan pelajar juga adalah pelajar dari Nusantara serumpun yang menggunakan bahasa melayu.

Pn Najwa memaklumkan pendaftaran akan dilaksanakan setelah mereka mengemukakan borang penulisan tesis dalam Bahasa Melayu.

Tindakan : FTIR & SRAD

7.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

7.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

7.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM (SKA)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABD JALIL BIN HASSAN	PKA153031
2	AKRAM MOHAMED MHAYA	PKA143034
3	YANNIE ANAK BENSON	PKA163008
4	ZAKARIYA Y MAHSSIN AL-HEMEDAOI	PKA163052

7.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABDUL HADI FIKRI BIN ABDUL HAMID	PE123011
2	ARSHAD KARIMBU VALLAPPIL	PKE163064
3	MAIMUN BINTI HUJA HUSIN	PE133058

7.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	CATATAN MESYUARAT
1	KHAIRULNADZMI BIN JAMALUDDIN	PKK173011	Telah diluluskan secara edaran pada 07/10/2020
2	NAGENDRAN A/L LELCHUMANAN	EKK152003	-
3	NURUL SHAHIRA BINTI MOHD SABRI	PKK163072	-

7.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SKM)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURULHUDA BT ARIFIN	PKM173010
2	FARAJ SAEID ADREES MAJEED	PKM173026

7.1.5 SEKOLAH KOMPUTERAN (SK)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AHMAD HAFIZ ISHFAQ	PCS163017
2	AZIZAH BINTI MOHAMAD	PCS143006
3	GARBA SALISU	PCS173073
4	NUR FATIN LIYANA BINTI MOHD ROSELY	PCS173006
5	NURULHUDA BINTI ZAINUDDIN	PC133024
6	MUHAMMAD FAHEEM	PCS173083
7	WAN NUR HIDAYAH BINTI IBRAHIM	PCS173034

Tindakan : SPS & FE

7.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	BOUGUERRA KHALID	PBE173035
2	TOH KA BEAN	PBE173013

Tindakan : SPS & FABU

7.3 FAKULTI SAINS

7.3.1 Mesyyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	FARAYOLA MUSILIU FOLARIN	PSC173093
2	HA CHEUN YUEN	PS133011
3	RASHID MEHMOOD	PSC173118
4	SHAFARUNIZA BINTI HAMADI	PS133011

Tindakan : SPS & FS

7.3.2 Mesyuarat tidak memperakukan dan tidak meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	CATATAN MESYUARAT
1.	WAN FATIN AMIRA BINTI WAN MOHD ZAWAWI	PMB153011	Penilai D1 masih tiada graduan PhD. Dikembalikan ke fakulti

T

Tindakan : FS

7.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

7.4.1 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HUMAID ABDULAZIZ JASEM HUMAID ALZAABI	PIC173011
2	IHSAN MUHIDIN	PIC173030
5	MARIAM ABDULAZIZ JASIM HUMAID ALZAABI	PIC173009

7.4.2 AKADEMI BAHASA (AB)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	KHALAF BILAL KHALID KHALAF	PLA173001

Tindakan : SPS & FSSK

7.5 RAZAK FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AZLAN BIN OTHMAN	PRS143039
2	MOHD ISMIFAIZUL BIN MOHD ISMAIL	PRS173015
3	NAZIRUL FARIQ BIN MOHD KASSIM	PRS173053
4	NUR LIYANA BINTI SULAIMAN	PN123006
5	RAZNI BIN KHALID	ERS172003
6	TAN JOO KOK	PRS153044

Tindakan : SPS & RFTI

7.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABDUL-KAHAR ADAM	PHA163051
2	ALNASERI NAZAHAN QAHATAN SARHAN	PBS173006
3	ASAD AMJAD	PHA163059
4	MARZIEH KHODAVANDLOO	PR123028
5	NOR ASIAH YAAKUB	PHA163059
6	PANTEHA KHODAKARAMI	PBS143016
7	ZURINA BINTI PATRICK	PBS173050

Tindakan : SPS & AHIBS

7.7 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NOOR FAZREEN BINTI DZULKAFLI	PMJ143021
2	SITI HAFSAH BINTI ZULKARNAIN	PMJ163019
3	MUHAMMAD HAQUIB BIN AHMAD NAZRI	PMJ143005

Tindakan : SPS & MJIIT

8.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

8.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

8.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	SITI ZAREEN NAQIYAH BINTI ZOOL AMBIA	MKE163022

8.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	CATATAN MESYUARAT
1	AIZAT BIN ABDUL AZIZ	MKK163051	-
2	AMINULLAH BIN MOHTAR	MKK163019	Telah diluluskan secara edaran pada 07/10/2020

8.1.3 SEKOLAH KOMPUTERAN (SK)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NURUL NADZIRAH BINTI MOHD HASRI	MCS163022

Tindakan : SPS & FE

8.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	CATATAN MESYUARAT
1	NURUL SAADAH BINTI LOKMAN	MGH163022	Telah diluluskan secara edaran pada 01/10/2020

Tindakan : SPS & FABU

8.3 FAKULTI SAINS

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MUHAMMAD IZZ BIN ROSLI	MSC193011

Tindakan : SPS & FS

8.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

8.4.1 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ARRASYIDIN ISKANDAR BIN SUAUT	MIC183003
2	NOR AFIZAH BINTI BUJANG	MIC183010

Tindakan : SPS & FSSK

8.5 RAZAK FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK (RFTI)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	HAYATUNNUFUS BINTI AHMAD	MAN163001
2	MUHAMMAD IYLIA BIN ROSLI	MRS183009

Tindakan : SPS & RFTI

8.6 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	FONG JIA XIAN	MMJ173046

Tindakan : SPS & MJIIT

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH AKHIR
9.1 FARAH AFIQA BINTI MOHD GHAZALI (MKE163041) - SKE	22/10/2020
9.2 MUHAMMAD SYAHIRAN BIN A MALIK (MKM163009) - SKM	22/10/2020
9.3 SITI KHADIJAH BINTI LUKMAN (PMB163009) - SKBSK	22/10/2020
9.4 SAZREEN BINTI SHAHRIN (PLP163003) - FE	22/10/2020

**9.5 SYAZWANI BINTI MOHAMAD
(MMJ173046) - MJIIT**

22/10/2020

Tindakan : SPS & Fakulti

10.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA / PENERUSI BAHARU

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

	NAMA PELAJAR	TARIKH AKHIR
10.1	ZAINAB BINTI MOHAMED YUSOF (PKA143011) – SKA	22/10/2020
10.2	NADA BADRELDIN IBRHIM ELSHIKRI (PSC163022) - FS	22/10/2020

Tindakan : SPS & Fakulti

11.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/ PEMERIKSA LUAR/ PENERUSI / PEMBANTU PENERUSI BAHARU

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelantikan panel pemeriksa/pemeriksa luar/pengerusi /pembantu pengerusi baharu seperti berikut:

11.1	DAYANGKU SALMA BINTI AWANG ISMAIL (PKA153005) - SKA
11.2	NOR AI'HAN BINTI MUJAR (MKA143002) - SKA
11.3	NUR HAJARUL FALAH BINTI ABDUL HALIM (PKA163056) - SKA
11.4	NOOR ASYIKIN BINTI SULAIMAN (PE123019) – SKE
11.5	AIZAT BIN ABDUL AZIZ (MKA163051) – SKT
11.6	KHAIRULNADZMI BIN JAMALUDDIN (PKK173011) – SKT
11.7	NURUL SAADAH BINTI LOKMAN (MGH163022) - FABU
11.8	MUHAMMAD AMMAR NAUFAL (PPP163050) - FP

Tindakan : SPS & Fakulti

12.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tempoh pembetulan tesis seperti berikut:

12.1	MOHD AZAHAR BIN CHE ABDULLAH (MKE153040) – SKE
12.2	AFIF NAJIHAH BINTI KEFLI (MKA163041) - SKT
12.3	SUMAYYAH BINTI ALI@AWANG (MIC143005) - ATI
12.4	ABDALLAH W.H. ALMUDALLAL (PHA143015) – AHIBS
12.5	RAMIN AZADAVAR (PR113005) - AHIBS

Tindakan : SPS & Fakulti

13.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tempoh pembetulan tesis seperti berikut:

13.1 NOR HARIZ BIN KADIR ROSMAN (MSC163002) - FS

Tindakan : SPS & FS

12) 14.0 HAL-HAL LAIN

14.1 Cadangan Pindaan *Insert-Delete* Kursus

Dr Norah binti Md Noor, Timbalan Pengerusi SPS membentangkan cadangan dari pihak SPS. Cadangan pindaan tarikh *insert delete* pengajian pascasiswazah seperti berikut:

Terdapat makluman dari fakulti bahawa ada pelajar tidak dapat membuat pindaan *insert delete* kursus kerana seksyen telah pun penuh. Setelah disemak didapati bahawa pelajar telah membuat kesilapan dalam pendaftaran seksyen. Apabila pelajar silap mendaftar dan mengetahui seksyen yang sebenarnya, pelajar akan mendaftar seksyen yang sepatutnya tersebut tetapi mereka tidak boleh *delete* di seksyen yang telah silap sebelum itu. Sekiranya pembelajaran *face-to-face* perkara ini tidak menjadi isu dan masalah, tetapi bila secara dalam talian perkara ini mengganggu sistem pembelajaran kerana sistem automatik menarik data pelajar untuk pembelajaran e-learning. Tarikh *insert-delete* yang ditetapkan pada 8 hingga 13 November 2020 adalah agak agak lewat untuk membuat insert-delete kerana pelajar adalah pelajar pascasiswazah dan sesi pembelajaran telahpun bermula.

Cadangan untuk *insert-delete* dibuka bagi FASA I pada 24 hingga 30 Oktober 2020 yang perlu dibuka khas untuk pelajar memperbetulkan kesilapan daftar seksyen. Selepas tarikh pendaftaran kursus berdenda baru dibuka kembali FASA II iaitu pada 8 hingga 13 November 2020.

Pihak AMD tiada masalah untuk dibuka sekiranya dipersetujui oleh mesyuarat kerana didapati ianya tidak bertindih dengan jadual kerja yang lain. Sekiranya dipersetujui, pihak AMD akan ubah jadual kerja baharu bagi menggantikan jadual yang telah diedarkan kepada pelajar sebelum ini.

Tindakan : AMD

14.2 Penangguhan Pengajian Pelajar Kerana covid19

Mesyuarat bersetuju jika pelajar yang belum semester maksimum adalah dibenarkan untuk tangguh pengajian dengan justifikasi munasabah terjejasnya berkaitan pandemic covid19.

Manakala bagi pelajar semester I 2020/2021 yang berada di semester maksimum 16/16 atau 8/8, Pengerusi memutuskan untuk tidak dibuat sebarang keputusan lagi kerana tiada pekeliling baru untuk perkara ini. Oleh yang demikian, permohonan seperti ini perlu dibawa ke mesyuarat JKTS untuk sebarang keputusan berkaitannya.

Tindakan : AMD

14.3 Pelantikan penyelia utama bagi pelajar baharu

Dr Norah memaklumkan kepada fakulti bahawa apabila lantikan penyelia telah dibuat di dalam sistem, permohonan untuk buang tambah atau mengubah penyelia utama adalah disemak oleh fakulti dan dihantar ke SPS untuk kelulusan. Pelantikan ini diluluskan berdasarkan syarat yang ditetapkan berdasarkan kehadiran staf akademik untuk kursus penyeliaan (kursus AS 101, AS 102 dan AS 103). Walaubagaimana pun, pihak SPS telah mengenalpasti dan didapati beberapa pensyarah yang tidak memenuhi syarat pelantikan telah dilantik sebagai penyelia utama. Oleh itu, mohon bantuan dan kerjasama fakulti untuk menyemak terlebih dahulu sebelum mencadangkan staf akademik menjadi penyelia utama kepada pelajar baharu. Ini kerana ianya akan menyukarkan pihak SPS untuk mengenalpasti jika telah dimasukkan dalam sistem. Sistem hanya dapat kenal pasti apabila/jika permohonan pertukaran penyelia dilakukan kemudiannya.

Tindakan : Semua Fakulti

15.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN NORALIZA BT
TASIRAN**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PUAN EKA AMIRA BT
RAHIM**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan Kualiti
& Akademik
Sekolah Pengajian Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES BIN MD
DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah